

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI**  
**KAMARUDDIN**  
**KAWASAN : AMPANG**  
**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 14**

#### **SOALAN**

**YB. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan hasil kaji selidik Tahap Kefahaman TPPA.**

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan menyedari betapa penting untuk menerangkan kandungan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) termasuk TPPA yang komprehensif kepada rakyat, khususnya untuk memastikan pelbagai pihak yang berkepentingan mempunyai pemahaman yang betul dan tidak terpengaruh dengan dakwaan negatif yang tidak berasas terhadap perjanjian tersebut.

2. Usaha-usaha untuk meningkatkan tahap kefahaman tentang TPPA telah bermula sejak tahun 2013 lagi iaitu semasa proses rundingan masih dijalankan, dengan penganjuran lebih 300 sesi penerangan dimana sebahagian besarnya diterajui oleh MITI.

3. Mengenai TPPA, usaha-usaha untuk meningkatkan tahap kefahaman telah bermula. Golongan-golongan yang telah ditemui termasuk Ahli-ahli Parlimen di mana TPP Caucus yang diwakili oleh Ahli Parlimen bipartisan telah ditubuhkan buat julang kalinya. Selain daripada itu, golongan sasaran yang lain adalah pemimpin-pemimpin masyarakat, tenaga pengajar dan pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi di seluruh negara, pertubuhan belia, penjawat awam, persatuan-persatuan perniagaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs).

4. Setelah perjanjian TPPA dimuktamadkan dan ditandatangani pada 5 Oktober 2015, usaha penerangan yang dijalankan oleh Kerajaan telah dipertingkatkan dengan lebih penekanan kepada obligasi perjanjian dan aspek-aspek yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan sebagai persediaan pelaksanaan TPPA seperti maklumat berkaitan akses pasaran mengikut sektor industri, peluang pasaran perolehan kerajaan di negara TPP dan pindaan legislatif dan dasar yang berkaitan.

**SOALAN ( 15 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian memulakan pembinaan perumahan mampu milik di Daerah Pitas. Nyatakan jumlah dan harga jualan yang dicadangkan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pitas, Sabah telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah RMKe-11, *Rolling Plan* Pertama (RP-1) tahun 2016.

Proses kelulusan Pelan Pembangunan (*Development Plan*) telah dipohon kepada Kerajaan Negeri Sabah pada bulan April 2016 dan kelulusan dijangka diterima pada bulan Disember 2016. Pembinaan projek ini dijangka dapat dimulakan pada suku pertama tahun 2017.

Projek PPR ini melibatkan pembinaan sebanyak 440 unit rumah pangsa 5 tingkat berserta kemudahan seperti surau, dewan serbaguna dan kedai niaga dengan kos RM85 juta.

Pada masa ini, KPKT hanya bercadang untuk menyewakan unit rumah berkenaan kepada mereka yang berkelayakkan. Jika terdapat keputusan

untuk menjualnya maka harga rumah yang ditawarkan akan ditentukan selepas rundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**November 2016**